
GUNA SEMULA SISA KUMBAHAN SEBAGAI SUMBER ALTERNATIF YANG MAMPAN

KUALA LUMPUR: Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) Dr Xavier Jayakumar meminta sektor pengilangan dan perladangan untuk mengguna semula sisa kumbahan sebagai sumber alternatif yang mampan di samping menyokong pengurusan air yang lebih bersepadu.

Menurut Dr Xavier, masyarakat harus yakin dengan hasil daripada bahan sisa kumbahan kerana kepakaran teknologi yang digunapakai di negara ini hari ini adalah setanding dengan negara-negara maju lain.

“Syarikat pembetulan nasional, Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd telahpun menjalankan pelbagai penyelidikan dalam penghasilan bi-produk sisa kumbahan iaitu biopepejal (baja), bioefluen (air) dan biogas (sumber elektrik). Air sisa kumbahan yang dirawat IWK kebanyakannya dilepaskan semula ke sungai yang menjadi salah satu sumber air negara ini. Kualiti efluen yang dirawat IWK pula menepati piawaian Jabatan Alam Sekitar.”

“Efluen berkualiti tinggi ini boleh diguna semula sebagai sumber air alternatif untuk negara. Sememangnya IWK berpotensi dalam penghasilan air bukan minuman dan untuk ini KATS akan memberikan fokus khusus berkaitan pembinaan Loji Pulihan Air atau *Water Reclamation Plant (WRP)* yang hasilnya pasti dapat digunapakai khususnya apabila negara menghadapi krisis air pada musim kemarau seperti fenomena El Nino yang dijangka akan tiba tidak lama lagi,” katanya selepas mengadakan lawatan kerja rasmi ke Loji Rawatan Kumbahan Serantau Pantai 2 yang diselenggara oleh IWK hari ini.

Loji Rawatan Kumbahan Serantau Pantai 2 Kuala Lumpur merupakan loji rawatan kumbahan bawah tanah yang pertama di Malaysia dan terbesar di rantau Asia Pasifik. Dibina di atas loji yang asalnya menggunakan sistem Lagun Pengudaraan dengan kapasiti 877,000 penduduk setara, loji moden ini dilengkapi dengan teknologi terkini iaitu *Advance Anaerobic-Anoxic-Oxic (Advance AAO)* boleh menampung kapasiti sehingga 1.423 juta penduduk setara. Loji ini turut mengaplikasi teknologi hijau seperti sistem penuaian air hujan (untuk tujuan pembersihan), penggunaan bioefluen (tujuan pembersihan & sumber pengairan lanskap), penggunaan biogas dan panel solar (menjana elektrik bagi menyokong keperluan operasi loji).

Di bahagian atas loji ini seluas 12 hektar menempatkan kawasan rekreasi setempat yang dinamakan Pantai Eco Park dengan dilengkapi pelbagai kemudahan awam seperti pusat komuniti, trek *jogging*, gelanggang futsal, padang bola dan gelanggang badminton.

Semasa lawatan berkenaan, Dr. Xavier turut memuji komitmen IWK dalam menjalankan operasi dan penyelenggaraan yang cekap biarpun syarikat ini menghadapi pelbagai cabaran terutama kekangan kewangan dan aset lama yang perlu dibaik pulih.

“Saya bangga melihat evolusi yang berlaku pada perkhidmatan pemetungan negara. 25 tahun lalu kita masih bergantung kepada sistem konvensional seperti tangki septik atau tandas curah, tapi kini kita menikmati sistem pemetungan serba moden dengan serta sistem pemetungan bersambung bawah tanah yang meliputi 19,134 km rangkaian paip pemetungan dengan kira-kira 6,745 buah loji rawatan kumbahan yang diselenggara baik oleh IWK.

“Namun, saya faham IWK menghadapi pelbagai cabaran dan kekangan dari segi kewangan dalam menyelenggara aset yang besar dan usang. Untuk itu, KATS akan berbincang dengan pelbagai pihak seperti Kementerian Kewangan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara bagi membantu IWK dalam hal ini,” tambah Dr Xavier.

Ketua Pegawai Eksekutif IWK, Faizal Othman turut menjelaskan bahawa bioefluen yang dihasilkan daripada air sisa kumbahan dapat mengurangkan tekanan ke atas sumber air sedia ada terutamanya bagi tujuan bukan minuman.

Menurut Faizal, bioefluen yang terhasil daripada Loji Rawatan Kumbahan IWK untuk digunasemula bagi kegunaan air bukan minuman di Lembah Klang adalah kira-kira 500 MLD, iaitu kira-kira 10% daripada penghasilan bioefluen secara keseluruhan.

“IWK juga telah mengenalpasti beberapa loji khususnya yang terletak berdekatan dengan kawasan perindustrian seperti di Shah Alam, Klang, Bandar Baru Bangi, Bayan Baru, Seberang Perai dan Kulim bagi penghasilan air untuk kegunaan industri,” kata Faizal.

Dikeluarkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Indah Water Konsortium

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Wan Esuriyanti Wan Ahmad** di talian **012-271 8095**
atau **Shahrul Nizam Sulaiman** di talian **016-207 3727**
atau e-mel kepada esuriyanti@iwk.com.my atau sharuls@iwk.com.my

MENGENAI IWK

Indah Water Konsortium Sdn Bhd ('IWK') ialah sebuah syarikat perkhidmatan pemetungan nasional milik Menteri Kewangan Diperbadankan yang bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan pemetungan untuk 25.2 juta pengguna. Tumpuan utama syarikat adalah pengendalian operasi dan penyelenggaraan 6,745 buah loji olahan awam, 19,134 km panjang rangkaian paip pemetungan bawah tanah. IWK mempunyai modal insan dalam pelbagai bidang, kepakaran teknikal, proses olahan, aset strategik, sistem dan peralatan. Kepakaran lain IWK ialah perancangan dan kejuruteraan, perakuan pembangunan sistem pemetungan, proses reka bentuk, penilaian persekitaran, audit teknikal, kajian bahaya dan kebolehtgunaan serta khidmat runding pengurusan projek.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di www.iwk.com.my